

PROSEDUR PENDAFTARAN PESERTA SKIM (SPBT)

1.0 TUJUAN

Prosedur Pendaftaran Peserta Skim SPBT disediakan bertujuan untuk menyeragamkan proses pendaftaran SPBT sebagai panduan kepada Pegawai Penilai yang terlibat dalam pendaftaran Peserta Skim SPBT.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Permohonan sebagai Peserta Skim SPBT adalah daripada Pengeluar bahan tanaman dan dilakukan sekali sahaja.
- 2.2 Permohonan Pengesahan Pokok Induk dilakukan sekali sahaja selagi pokok induk tersebut tidak ditanam semula. Jika penanaman semula dijalankan, Permohonan Pengesahan Pokok Induk perlu dilakukan semula.
- 2.3 Manakala, Permohonan Pengesahan Bahan Tanaman adalah mengikut pengeluaran. Permohonan baru perlu dimohon setiap kali pengeluaran dibuat.
- 2.4 Hanya Pengeluar bahan tanaman yang berdaftar sebagai Peserta Skim sahaja layak memohon Pengesahan Bahan Tanaman.
- 2.5 Hanya tanaman yang tersenarai dalam Senarai Varieti Tanaman Pengesahan SPBT (Lampiran 1) sahaja boleh dimohon oleh Peserta Skim untuk diperakukan.
- 2.6 Penyertaan dalam SPBT adalah secara sukarela.

3.0 SYARAT-SYARAT PENYERTAAN SEBAGAI PESERTA SKIM SPBT

Kriteria penting sebagai Peserta Skim SPBT :

3.1 PEMILIKAN NURSERI

Peserta Skim SPBT MESTI mempunyai nurseri dengan pemilikan nurseri jenis sendiri atau sewa.

3.2 PENGESAHAN POKOK INDUK

3.2.1 Peserta SPBT MESTI mempunyai plot pokok mata tunas varieti tanaman yang diperaku di bawah SPBT:

a) Kaedah Pembiakan: Pembiakan Tampang

- Mata tunas
- Baji
- Sisi
- Sanding
- Tut

i) Tanaman Jenis Buah-buahan

1. Mempunyai sekurang-kurangnya 20 pokok mata tunas. Jarak yang ditetapkan adalah 120 cm X 120 cm antara pokok.
2. Tidak bertujuan untuk pengeluaran buah, hanya untuk pengeluaran sion sahaja.
3. Jarak pengasingan antara varieti sekurang-kurangnya 200 cm.
4. Umur pokok mata tunas sesuai selepas tiga (3) tahun menanam.
5. Pokok induk mesti sihat dan bebas daripada serangan serangga perosak dan penyakit.

3.2.2 Peserta SPBT MESTI mempunyai plot pokok induk :

b) Kaedah Pembiakan : Biji Benih

i) Kelapa MATAG

1. Mempunyai sekurang-kurangnya 272 pokok induk MYD dan MRD (induk betina) per hektar tanah.
2. Mempunyai sekurang-kurangnya sepuluh (10) pokok induk Tagnanan (induk jantan) atau sumber-sumber lain yang telah disahkan.
3. Kebun benih mesti terasing dari kelapa varieti lain dengan jarak pengasingan 1 km.
4. Pokok induk mesti sihat dan bebas daripada serangan serangga perosak dan penyakit.

Induk betina

1. Berumur lima (5) tahun ke atas.
2. Berhasil tinggi dan mengeluarkan buah seragam (≥ 80 biji/pokok/tahun).

Induk jantan

1. Berumur lapan (8) tahun ke atas.
2. Berhasil tinggi dan mengeluarkan buah seragam (≥ 80 biji/pokok/tahun).

ii) Kelapa Pandan / MRD / MYD

1. Mempunyai sekurang-kurangnya 272 pokok induk per hektar tanah.
2. Pokok induk mestilah daripada pokok yang mengeluarkan bau yang beraroma pandan pada daun dan air (buah).

3. Pokok induk mestilah berumur tujuh (7) tahun ke atas di mana pengeluaran buah telah seragam.
4. Berhasil tinggi purata buah 10 hingga 22 biji setandan.
5. Kebun benih terasing jauh dari varieti kelapa lain dengan jarak pengasingan 1 km.
6. Pokok induk mestilah sihat dan bebas daripada serangan serangga perosak dan penyakit.

iii) Buah-buahan (Manggis, lansium dan lain-lain)

1. Mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) pokok induk
2. Pokok induk mestilah sihat dan bebas daripada serangan serangga perosak dan penyakit.

c) Kaedah Pembiakan : Tisu Kultur

i) Pisang

1. Mempunyai sekurang-kurangnya dua belas (12) pokok induk tulen setiap varieti.
2. Pokok induk hendaklah berbuah matang semasa pemeriksaan.
3. Sumber eksplan diperolehi daripada sulur pedang yang sihat.
4. Pokok induk mestilah sihat dan bebas serangan serangga perosak dan penyakit.

Makmal kultur tisul

1. Pemeriksaan di makmal kultur tisul dijalankan bagi memastikan pemohon mempunyai keupayaan kapasiti untuk membuat pengeluaran anak benih kultur tisul.
2. Penghasilan plantlet adalah di makmal yang diperakukan.
3. Mematuhi SOP pengeluaran dengan penghasilan plantlet melalui pusingan pengkulturan dibenarkan sehingga enam (6) kali pusingan.

d) Kaedah Pembiakan: Sulur

i) Pisang

1. Mempunyai sekurang-kurangnya 400 (0.25 ha) pokok induk tulen setiap varieti.
2. Pokok induk mestilah berbuah matang semasa pemeriksaan.

3. Hanya sulur pedang yang sihat sahaja dibenarkan untuk pengeluaran.
4. Pokok induk mestilah sihat dan bebas serangan serangga perosak dan penyakit.
5. Hanya satu (1) varieti ditanam untuk satu plot.
6. Jarak pengasingan antara varieti sekurang-kurangnya 200 cm.

ii) Nanas

1. Penggunaan daripada sulur sahaja.
2. Mempunyai sekurang-kurangnya 20,000 atau satu (1) ekar pokok induk.
3. Pokok induk ditanam dalam barisan.
4. Pokok induk mestilah berbuah matang semasa pemeriksaan.
5. Pokok induk mestilah sihat dan bebas serangan serangga perosak dan penyakit.

3.3 PENGESAHAN BAHAN TANAMAN

3.3.1 Peserta Skim SPBT MESTI mempunyai:

1. Tempat pengumpulan sulur yang berbumbung bagi tanaman Pisang dan Nanas.
2. Nurseri tanaman bagi tanaman jenis buah-buahan yang lain.

3.3.2 Peserta Skim SPBT MESTI mempunyai bilangan minimum seperti berikut bagi bahan tanaman yang dimohon untuk Pengesahan Bahan Tanaman SPBT:

- | | |
|-----------------------|-----------------|
| 1. Buah- buahan | - 1000 pokok |
| 2. Tisu kultur Pisang | - 1000 plantlet |
| 3. Sulur Pisang | - 400 sulur |
| 4. Kelapa | - 500 pokok |
| 5. Sulur Nanas | - 10,000 sulur |